



10 MAR, 2023

UiTM kelantan sasar jualan nanas md2, sulur hampir RM200,000 tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 3

UiTM Kelantan sasar jualan nanas md2, sulur hampir RM200,000 tahun ini

UNIVERSITI Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan menyasarkan hasil jualan buah nanas MD2 dan sulur dengan kluasan melebihi 1.6 hektar yang diusahakan di Bukit Tiu, di Machang mampumenceh hampir RM200,000 tahun ini.

Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, sasaran itu mungkin dapat dicapai, berikutan projek yang bermula sejak April 2021 itu telah mula dituai pada Februari lalu.

“Hasil daripada jualan ini, kita akan tambahkan lagi kluasan tanah bagi penanaman nanas MD2 kerana dari segi pemasaran, kita mendapat permintaan tinggi bukan sahaja di UiTM bahkan daripada agensi kerajaan dan penduduk setempat.

“Saya yakin apabila projek penanaman ini membawa hasil, ia bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa menjadi agropreneur muda, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar untuk bekerja secara kontrak di ladang nanas ini,” katanya ketika ditemui pemberita di UiTM Campus Machang, di Machang semalam.

Mengulas lanjut, Hadhifah Fadhlina berkata pelbagai latihan turut disediakan oleh pihaknya kepada pelajar dan masyarakat setempat, yang berminat dalam bidang pertanian ini seperti latihan teknikal dalam penanaman nanas, pengurusan tanaman, keusahawanan dan pemasaran

digital.

“Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) banyak membantu kami untuk mengusahakan tanaman ini, kerana turut memberi sumbangan sebanyak 40,000 sulur benih varieti MD2.

“Kami akan menggunakan peluang yang diberikan ini sebaik mungkin, sekali gus membuktikan UiTM Machang juga mampu mencapai kejayaan meskipun tidak mempunyai penghususan dalam bidang perladangan,” katanya. — Bernama

MANIS: Buah nanas MD2 yang telah masak yang diusahakan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan dengan kluasan melebihi 1.6 hektar di Bukit Tiu, di Machang mampumenceh hasil jualan hampir RM200,000 tahun ini. — Gambar Bernama



10 MAR, 2023

uitM kelantan sasar jualan nanas md2, sulur hampir RM200,000 tahun ini



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



BERKUALITI: Hadhifah Fadhlina menunjukkan daun Nanas MD2 yang berduri dan berserat boleh dijadikan fabrik ketika ditemui pemberita di UITM Kampus Machang, dekat Machang, Kelantan semalam. — Gambar Bernama



VARIASI TINGGI: Zuraidi menunjukkan buah nanas variasi MD2 yang telah masak di UITM Kampus Machang, dekat Machang, Kelantan semalam. — Gambar Bernama





10 MAR, 2023

UiTM kelantan sasar jualan nanas md2, sulur hampir RM200,000 tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

UNIVERSITI Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan menyasarkan hasil jualan buah nanas MD2 dan sulur dengan keluasan melebidi 1.6 hektar yang diusahakan di Bukit Tiu, di Machang mampu mencapai hampir RM200,000 tahun ini. Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, sasaran itu mungkin dapat dicapai, berikutan projek yang bermula sejak April 2021 itu telah mula dituai pada Februari lalu.